

15 FEB 1998

GOH KE MALAYSIA DENGAN HARAPAN POSITIF

SINGAPURA, 15 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong akan ke Kuala Lumpur untuk lawatan dua hari mulai esok dengan "harapan yang positif," menurut akhbar The Sunday Times hari ini.

Akhbar itu memetik Goh sebagai berkata beliau akan bertemu Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "bukan untuk memikirkan cara bagaimana masalah dapat diatasi tetapi bagaimana kami dapat bekerjasama".

Goh berkata pada pertemuannya dengan Dr Mahathir beliau akan mencari asas baru untuk kerjasama yang lebih erat antara Singapura dan Malaysia.

"Secara umumnya kami akan melihat sama ada kami dapat mencari asas baru untuk kerjasama yang lebih erat," katanya.

Bagaimanapun, krisis ekonomi serantau tetap menjadi agenda utama pertemuan kedua-dua perdana menteri itu.

Kedua-dua pemimpin itu bertemu dua kali tahun ini iaitu pada 20 Jan di Johor dan 7 Feb di Singapura. -- BERNAMA

THG NAK